

Metafora Api dalam Teks Melayu sebagai Satu Manifestasi Nilai: Analisis Model Hibrid Baharu

Nor Hafuza Muhammad Arif¹, Hasmidar Hassan² dan Maizura Osman^{1*}

¹*Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

²*Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei*

ABSTRAK

Unsur api yang bersifat dinamik membuatkan pengguna bahasa sering menjadikannya sebagai satu lambang untuk mengungkapkan metafora yang mempunyai sesuatu maksud dan memprofilkan nilai yang tertentu. Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan maksud yang didukung oleh metafora api dan nilai yang diimplikasikan oleh metafora api serta menghuraikan proses penginterpretasian metafora api. Secara khusus, kajian ini memperlihatkan proses penginterpretasian yang berlaku ketika memproses maksud metafora api yang akhirnya membolehkan nilai api dalam konteks metafora ditafsirkan dari perspektif pemikiran Melayu. Bagi mencapai tujuan ini, kaedah analisis kandungan dimanfaatkan dan data yang dijana daripada Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka dianalisis dengan menggunakan Model Hibrid Baharu oleh Stöver (2010). Model Proses Tiga Serangkai yang lebih bermodular dan bersistematik dicadangkan dalam model ini. Sebanyak 2400 konkordans leksikal bersumberkan api telah diteliti dan terdapat 94 data yang dikenal pasti sebagai metafora api. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metafora api digunakan untuk memerihalkan emosi, menjelaskan intensiti emosi, menambahkan kesan afektif dan mengkritik keadaan, sikap atau perbuatan individu. Berdasarkan data yang dianalisis, didapati bahawa frekuensi metafora api yang mengimplikasikan nilai negatif ialah 63.9%, manakala frekuensi nilai positif sebanyak 36.1%. Pengkategorian nilai ini ditentukan

oleh kolokasi dan konteks metafora yang dibicarakan. Ternyata, faktor agama, budaya dan sosial memberikan pengaruh yang besar kepada orang Melayu dalam memberi persepsi terhadap api. Kajian ini diharapkan dapat memberikan input baharu tentang kekuatan prosedur penginterpretasian metafora yang menekankan pertimbangan semantik kognitif dan pragmatik yang lebih

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 13 September 2023

Accepted: 18 December 2023

Published: 05 February 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.04>

E-mail addresses:

hafuza.arif@gmail.com (Nor Hafuza Muhammad Arif)

hasmidar.hassan@ubd.edu.bn (Hasmidar Hassan)

mai.zura@um.edu.my (Maizura Osman)

* Corresponding author

sistematik bagi mencungkil maksud metafora dan mencerakin nilai yang dimanifestasikan oleh leksikal api dan gugusan leksikal api.

Kata kunci: Api, metafora, model hibrid baharu, nilai, pemikiran

Metaphor of Fire in Malay Text as a Manifestation of Values: New Hybrid Model Analysis

ABSTRACT

The dynamic nature of fire often leads language users to use it as a symbol to express metaphors that support certain meanings and profile specific values. This study is conducted to elucidate the meanings supported by fire metaphors and the values implied by fire metaphors while outlining the process of interpreting fire metaphors. Specifically, this study reveals the interpretation process that occurs when processing the meaning of fire metaphors, ultimately allowing the interpretation of fire's value in Malay thinking. This study utilises content analysis methods and data generated from the Dewan Bahasa dan Pustaka Corpus, analysed using Stöver's (2010) New Hybrid Model to achieve this goal. The Three Processing Model, which is more modular and systematic, is proposed in this model. A total of 2400 lexical concordances related to fire were examined, and 94 data were identified as fire metaphors. The study findings show that fire metaphors are used to emphasise emotions, explain the intensity of emotions, enhance affective effects, and criticise individuals' states, attitudes or actions. Based on the analysed data, it was found that the frequency of fire metaphors implying negative values is 63.9%, while the frequency of positive values is 36.1%. The collocation and context of the discussed metaphors determine the categorisation of these values. It turns out that religion, culture, and social factors have a significant influence on Malay people's perception of fire. This study is expected to provide fresh insights into the power of metaphor interpretation procedures that emphasise more systematic cognitive semantic and pragmatic considerations for uncovering the meaning of metaphors and highlighting the values manifested by the fire lexical and cluster of fire lexical.

Keywords: Fire, metaphor, new hybrid model, values, thoughts

PENGENALAN

Api merupakan unsur alam yang asas dan sangat penting terhadap kehidupan sosiomasyarakat global (McKee, 2023; Hanada, 2023; Rafat, 2022; Semino,

2021; Lakoff, 1987). Kewujudan api membolehkan manusia merasai manfaatnya bagi memastikan kelangsungan hidup secara sejagat. Namun begitu, sifat api yang mudah merebak dan memusnahkan harta benda

turut mendatangkan mudarat yang besar pada manusia. Ternyata, kedinamikan api ini dan kesignifikanan api membuatkan manusia, khususnya orang Melayu memilih untuk mengabstrakkan api sebagai satu lambang untuk membentuk ungkapan metafora. Sifat api yang panas, berbahang, membakar, mudah merebak dan mempunyai intensiti kepanasan yang tertentu seperti membara, menyala, menyala-nyala, marak dan marak menjulang diasosiasikan mengikut kesesuaian konteks yang dibicarakan oleh penulis. Maka, wujudlah pelbagai ungkapan metafora api dan leksikal yang berkait dengan sifat api tersebut yang dihasilkan oleh orang Melayu. Jelas Ahmad (2016, p. 160), orang Melayu menganggap alam sebagai ‘guru’, yakni mereka belajar daripada alam flora dan fauna, alam haiwan, alam pengalaman, alam kosmos dan alam mental atau intuisi.

Ungkapan metafora api dalam teks Melayu merupakan suatu manifestasi pemikiran orang Melayu yang mencerap, menaakul dan membina persepsi terhadap api. Hal ini dikatakan demikian kerana metafora yang dihasilkan oleh seseorang individu lahir secara semula jadi berdasarkan pengalaman yang berlaku dalam kehidupan mereka (Gibbs, 1999; Gibbs & Macedo, 2010; Martínez, 2022). Kenyataan ini disokong pula oleh Hassan (2010, p. 11) yang menjelaskan bahawa proses kreatif oleh penyair Melayu misalnya, telah berlaku melalui proses interaksi, interpretasi dan integrasi dengan alam. Ternyata, penghasilan metafora api tidak berlaku secara rencam atau wewenang, sebaliknya dipengaruhi

oleh faktor sosial, agama dan budaya orang Melayu. Oleh itu, bagi mendapatkan data metafora api yang mencerminkan pemikiran Melayu dengan lebih mudah dan sah, pangkalan data korpus yang tertentu dimanfaatkan sepenuhnya. Kekuatan korpus yang menyediakan data raya daripada pelbagai sumber yang autentik membolehkan analisis dibuat dengan berpada kerana adanya maklumat konteks yang mencukupi. Ternyata, impak data korpus dalam meneliti metafora api adalah besar dan signifikan dan hal ini selari dengan pandangan oleh Hassan (2023) yang menyatakan bahawa penggunaan korpus sebagai sumber data merupakan satu pendekatan yang amat bernilai.

Pemikiran Melayu yang dimanifestasikan melalui metafora api dapat dibincangkan dengan lebih mendalam apabila maksud yang diimplikasikan oleh ungkapan metafora api dapat dicungkil melalui satu prosedur penginterpretasian metafora yang bersistematik, bermodular dan bersifat inklusif. Dalam konteks kajian ini, Model Hibrid Baharu oleh Stöver (2010) diterapkan untuk menganalisis maksud metafora api yang akhirnya membolehkan nilai linguistik ditentukan berdasarkan maksud metafora yang dicungkil. Tumpuan terhadap penentuan nilai linguistik, iaitu nilai positif atau nilai negatif bagi maksud metafora api berdasarkan *weltanschauung* Melayu merupakan satu aspek yang belum pernah diketengahkan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Hakikatnya, nilai yang dimanifestasikan itu dapat menggambarkan pemikiran Melayu yang berstruktur atau

berskala dengan jelas dalam menyampaikan sesuatu maklumat secara bermetaphora dan sekali gus menyerlahkan jati diri Melayu.

Makna dan Nilai dalam Metafora Melayu

Manusia menggunakan metafora atas pelbagai tujuan seperti mengekspresikan emosi, mendidik, memberikan teguran, menyindir, memerikan sesuatu objek atau menggambarkan suasana. Metafora yang dikaji dalam makalah ini ialah metafora linguistik, iaitu melibatkan ujaran, ayat atau frasa yang bersifat metaforikal (Rashidin, 2016). Dengan kata lain, pencipta metafora mengasosiasikan segala unsur alam sebagai sumbernya untuk membentuk metafora dan makna yang dirujuk itu boleh berubah-ubah kerana dipengaruhi oleh konteks semasa walaupun berteraskan domain sumber yang sama, iaitu api. Selain itu, maksud yang diperoleh berdasarkan penginterpretasian metafora itu pula membolehkan nilai positif atau nilai negatif yang dimanifestasikan metafora tersebut dapat ditonjolkan. Dalam kebanyakan kajian bahasa yang melibatkan penuturnya, wujud dua nilai yang boleh diketengahkan, iaitu nilai sosial dan nilai linguistik. Menurut Deraman (2010), nilai sosial ialah nilai yang diproyeksikan melalui perbuatan yang melambangkan nilai peradaban dan dikongsi oleh sesebuah masyarakat. Nilai linguistik pula ialah nilai yang dipamerkan oleh leksikal-leksikal yang sering digunakan oleh masyarakat ketika berbahasa (Wolfram, 1991). Dalam konteks kajian ini, fokus diberikan pada nilai linguistik, iaitu meneliti makna yang

diimplikasikan oleh ungkapan metafora api sama ada memberikan konotasi yang positif atau negatif.

TINJAUAN LITERATUR

Bahagian awal sorotan kajian ini membincangkan kajian tentang metafora yang dilakukan secara umum. Kajian terhadap metafora bukanlah suatu kajian yang asing lagi dalam penyelidikan linguistik. Terdapat beberapa kajian metafora yang mengetengahkan penggunaan lambang dan konsepsi metafora yang memanifestasikan persepsi sesuatu masyarakat terhadap lambang yang diasosiasikan. Kajian oleh Dato et al. (2022) membincangkan pandangan dunia (*worldview*) etnik Iban di Sarawak. Kajian yang bertajuk Struktur dan Unsur Metafora dalam Puisi Invokasi *Biau* Masyarakat Iban merupakan satu kajian yang mempunyai impak kerana memberikan pengetahuan baharu kepada masyarakat Malaysia tentang puisi tradisional Iban dan membangkitkan kesedaran terhadap etnik Iban sendiri untuk mengenali, mempelajari dan menghargai khazanah puisi ini. Kajian ini membincangkan lambang yang digunakan untuk membentuk metafora dalam struktur puisi invokasi *biau* (doa) yang berasaskan sumber flora dan fauna, benda bukan hidup dan anggota badan.

Seterusnya, kajian oleh Krisnawati et al. (2021) pula membincangkan pengaruh alam yang besar terhadap bahasa yang dilihat dalam bidang pelancongan. Kajian ini dibincangkan mengikut pendekatan semantik kognitif melalui penerapan Teori Metafora Konsepsi dan *Metaphor*

Identification Procedure Vrije Universitet (MIPVU) bagi menganalisis metafora dalam majalah pelancongan di Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa alam sering dikonsepsikan sebagai syurga, seorang individu, objek yang dikenal pasti dan entiti yang didedahkan. Penelitian terhadap gaya bahasa dalam majalah pelancongan adalah relevan kerana majalah menjadi satu platform terbaik untuk mempromosikan keunikan sesebuah negara.

Kajian terhadap metafora api turut dibincangkan oleh Seeman (2023) yang mengkaji fungsi metafora untuk merawat simptom dalam bidang perubatan yang sukar dijelaskan secara literal. Kajian ini membuktikan bahawa penghasilan metafora disandarkan pada fungsi yang tertentu. Penggunaan metafora bersumberkan api oleh pesakit dapat menjelaskan keadaan atau tahap kesakitan yang dialami dan pemahaman terhadap metafora *'burning with rage'* telah membuka laluan kepada ahli psikoterapi untuk mempercepat proses penyembuhan penyakit itu. Selain itu, Hanada (2023) pula menganalisis penggunaan metafora api dalam ucapan politik di Jordan. Beliau memanfaatkan rakaman video ucapan politik dari tahun 2015 hingga 2022 dan data ditranskripsi secara dalam talian dengan menggunakan peranti ELAN dengan menyasarkan leksikal yang berhubung kait dengan api. Hasil kajian menunjukkan bahawa api digunakan dalam ucapan politik bagi mencapai tujuan tertentu sama ada secara positif ataupun negatif dan sekali gus memmanifestasikan pemikiran pemimpin Jordan.

Kajian metafora api dalam domain kesihatan pula dikaji oleh Rafat (2022) yang membincangkan peranan metafora dalam menentukan makna ketika pandemik COVID-19. Lima senario yang berkaitan dengan pandemik telah diungkapkan dalam dua versi, iaitu dalam bentuk literal dan bentuk tersirat (metafora) untuk mengenal pasti tindak balas kognitif peserta dalam menangani masalah yang berlaku. Ternyata, penggunaan metafora 'api' dan metafora 'perang' untuk menyampaikan sesuatu makna telah memberikan tanggapan yang berbeza kepada pembaca yang memproses maklumat tersebut. Sifat api yang tekal menyebabkan para peserta membuat tanggapan yang hampir sama, iaitu metafora 'api' merujuk sesuatu yang merebak dengan pantas. Secara sepintas lalu, kajian oleh Rafat (2002) mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Semino (2021). Kajian yang memanfaatkan sejumlah besar data korpus artikel berita dalam bahasa Inggeris ini pula telah membuktikan bahawa metafora menjadi medium komunikasi yang efektif untuk menyampaikan maklumat berkaitan dengan penularan pandemik Covid-19 dan memberikan kesedaran tentang kesihatan awam. Sungguhpun begitu, kajian lepas yang melibatkan perbincangan tentang metafora api tidak memberikan fokus terhadap proses atau prosedur yang terlibat dalam menginterpretasi maksud metafora. Pengkaji hanya membincangkan peranan metafora yang dikenal pasti dalam kajian tersebut. Kelompangan dari sudut prosedur yang terlibat dalam penginterpretasian

metafora adalah sangat jelas dan perlu ditangani secara berpadu.

Dalam perenggan yang berikutnya, perbincangan sorotan kajian lepas tertumpu pada kajian tentang metafora yang memanfaatkan Teori Hibrid. Bagi mengenal pasti sejauh manakah Model Hibrid Baharu yang berasaskan Teori Hibrid dimanfaatkan oleh pengkaji lepas sebagai mekanisme penginterpretasian metafora, maka kajian yang berkenaan disoroti. Kajian oleh Sarudin dan Shanmugam (2023), misalnya yang bertajuk *Operasi Metafora Nilai Kerajinan dalam Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil: Analisis Teori Hibrid* menekankan penjelasan tentang pengoperasian Teori Hibrid berdasarkan kerangka Tendahl (2009) untuk mendapatkan konsepsi nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Peranan rantau konsepsi yang dicadangkan Tendahl (2009) dimanfaatkan untuk mengisi slot-slot kosong. Sebanyak 10 data peribahasa Melayu dan tujuh data peribahasa Tamil bersandarkan nilai kerajinan pada peringkat sekolah rendah telah ditapis. Dapatan kajian ini ialah konsepsi nilai kerajinan dalam kedua-dua bahasa memfokuskan usaha dan kegigihan dan wujudnya persamaan dan perbezaan dari segi falsafah peribahasa kerana dipengaruhi oleh amalan kehidupan masyarakat Melayu dan India.

Kajian yang dijalankan oleh Rashidin et al. (2023) juga mengaplikasikan Teori Hibrid. Kajian ini membincangkan penginterpretasian makna metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku *Falsafah Hidup* karya Hamka. Dapatan kajian ialah

domain AKAL mencatat kekerapan yang paling tinggi dan hal ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya akal terhadap manusia. Metafora konsepsi AKAL ADALAH TATATINGKAT DI ATAS turut terbentuk melalui analisis ini. Walaupun kajian ini menggunakan teori yang sama seperti kajian Sarudin dan Shanmugam (2023), tetapi kaedah pengoperasian dalam kedua-dua kajian dilihat berbeza. Bagi menginterpretasi makna metafora akal, kehidupan dan fikiran, pengkaji ini telah memanfaatkan idea kerangka rantau konsepsi oleh Tendahl (2009) dan Model Proses Tiga Serangkai oleh Stöver (2010). Pengkaji menjelaskan bahawa Model Proses Tiga Serangkai diperkenalkan Stöver (2010) kerana wujudnya kelompangan dari segi pengoperasian hasil gabungan dua bidang ilmu yang dilihat tidak menunjukkan hubungan kait yang jelas dalam cadangan Tendahl (2009). Namun begitu, analisis yang dilakukan dalam kajian ini tidak memperlihatkan Model Proses Tiga Serangkai yang dicadangkan Stöver (2010). Wujud sedikit kekeliruan untuk memahami prosedur penginterpretasian metafora dalam kajian ini apabila acuan Tendahl (2009) masih dikekalkan dan model Stöver (2010) turut digabungkan untuk menganalisis data metafora.

Pengkaji luar negara, misalnya Minikeva et al. (2020) dalam makalahnya yang bertajuk *Cognitive Linguistic Approach to the Integrated Theory Metaphor* sekadar memberikan ulasan kritis tentang gagasan Model Hibrid Baharu yang berfungsi sebagai satu mekanisme penginterpretasian

metafora tanpa mengujinya melalui analisis data metafora. Oleh itu, bagi mengisi kelompangan yang telah dikenal pasti, makalah ini diketengahkan untuk menjelaskan proses penginterpretasian metafora yang bersumberkan api bagi mencungkil maksud yang didukung oleh metafora api dan mengkategorikan nilai yang diimplikasikan oleh metafora api. Dua perkara utama yang diberikan penekanan dalam makalah ini ialah operasi Model Proses Tiga Serangkai (MPTS) dalam Model Hibrid Baharu (MHB) oleh Stöver (2010) sebagai prosedur penginterpretasian metafora dan menonjolkan nilai positif atau nilai negatif yang terserlah daripada metafora api dalam teks Melayu. Penentuan nilai metafora api dari perspektif *weltanschauung* Melayu dan gagasan MHB inilah yang masih belum dibincangkan secara terperinci oleh pengkaji-pengkaji lepas.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif dengan melibatkan kaedah analisis kandungan bagi mengenal pasti data metafora api yang diperolehi daripada Korpus DBP. Data korpus yang autentik membolehkan pengkaji bahasa membuat rumusan yang objektif dan bukannya rumusan yang bersifat subjektif atau yang berdasarkan persepsi kognitif dalaman seseorang individu terhadap bahasa (Hassan, 2023). Subkorpus akhbar, majalah, buku dan teks sastera pula dimanfaatkan bagi mendapatkan data metafora. Jumlah datanya yang banyak membolehkan fenomena bahasa semasa yang pelbagai dan


bervariasi dapat direpresentasikan. Untuk kajian ini, metafora yang berunsurkan api dalam Korpus DBP telah dipilih sebagai domain sumber dalam kajian. Hal ini demikian kerana setelah meneliti 3000 data terawal bagi keempat-empat unsur alam, ternyata penggunaan unsur api dalam bentuk metafora adalah lebih tinggi dibandingkan dengan unsur air, angin dan tanah.

Jumlah data yang banyak ini menggambarkan bahawa ungkapan metafora api lebih bervariasi dan membolehkan analisis metafora yang dipertanggungjawabkan. Penelitian yang khusus terhadap unsur api ini turut bertitik tolak daripada pandangan yang dikemukakan oleh Lakoff (1987), iaitu api merupakan satu ekspresi kiasan yang penting kerana api mempunyai hubungan yang langsung dengan pengalaman sosial, emosi dan fizikal manusia. Malahan, Lakoff (1987, p. 406) turut berpendapat bahawa adalah mustahil untuk memahami pelbagai aspek pengalaman emosi tanpa menggunakan metafora api. Maka, data korpus sebagai bahan kajian dan hipotesis daripada Lakoff (1987) ini menjadi sumber yang memandu pengkaji untuk menjawab objektif yang telah ditetapkan.

Sebelum menjana data, pengkaji perlu mengenal pasti terlebih dahulu leksikal yang mempunyai hubungan dengan konsep api dari segi ciri atau fungsinya. Tujuan menghimpunkan leksikal tersebut adalah untuk membentuk gugusan api dan memudahkan proses penjanaan nanti. Bagi mendapatkan leksikal yang berkait dengan ‘api’, makna api diteliti terlebih

dahulu berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka (2005, p. 71). Api bermaksud nyalaan daripada sesuatu yang dibakar atau yang terbakar, kepanasan (haba) yang digunakan untuk memasak dan kebakaran. Berdasarkan maksud kamus ini, beberapa leksikal yang berkaitan dengan api dapat dikenal pasti, iaitu *menyala*, *bakar* dan *panas*. Bagi meluaskan lagi taburan leksikal berkaitan api, strategi yang dicadangkan oleh Stefanowitsch (2006, pp. 1–6) untuk mengekstrakkan metafora daripada korpus diaplikasikan pula. Terdapat lima strategi yang dicadangkan, tetapi hanya strategi kedua diguna pakai dalam kajian ini, iaitu mencari leksikal atau yang berkaitan dengan domain sumber. Hal ini diperoleh berdasarkan penelitian terhadap kolokasi ayat daripada janaan leksikal menyala, bakar dan panas dalam Korpus DBP. Maka, beberapa leksikal yang bersangkutan dengan api dapat dikenal pasti. Rujuk Rajah 1 seperti yang berikut.

Langkah berikutnya ialah menjana ungkapan bermetafora berdasarkan leksikal




Rajah 1. Leksikal dalam gugusan api

api, nyala, panas, bahang, bakar, bara, marak dan julang. Sejumlah data mentah telah diperoleh daripada janaan ini, tetapi hanya 3000 data terawal yang diteliti. Hasilnya, sebanyak 94 data dikenal pasti sebagai ungkapan metafora dan kesemua data tersebut dianalisis secara terperinci. Oleh itu, Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) atau *Metaphor Identification Procedure* (MIP) yang bertujuan untuk mengesahkan secara berpada setiap intuisi yang digunakan oleh pengkaji dalam menentukan ayat atau frasa yang bersifat metaforikal telah digunakan (Rashidin 2016). Sesuatu ayat itu dikatakan bersifat metafora apabila makna sebenar leksikal itu berbeza sepenuhnya daripada makna asal apabila digunakan dalam konteks yang tertentu. Apabila data korpus metafora api dapat dihimpunkan, proses penganalisan data diteruskan pada peringkat seterusnya.

Dalam konteks kajian ini, analisis data metafora api dilakukan dengan menerapkan Model Hibrid Baharu oleh Stöver (2010) bagi memperlihatkan proses penginterpretasian metafora api untuk mencungkil maksud tersiratnya, menentukan nilai linguistik yang dimanifestasikan oleh maksud tersirat ayat itu dan menonjolkan pemikiran Melayu terhadap unsur *api*. Rajah 2 yang berikut memperincikan proses penganalisan data yang dijalankan terhadap data metafora api.

Teori Kajian

Teori yang mendasari analisis ini ialah Teori Hibrid yang berasaskan gabungan dua disiplin ilmu, iaitu linguistik kognitif dan pragmatik. Teori kacukan ini telah



Rajah 2. Ringkasan proses penganalisan data metafora api

dipelopori oleh Tendahl (2009) dengan tujuan menjelaskan bahawa metafora yang terbina dalam kognisi manusia merupakan manifestasi cara manusia berfikir dan memperincikan langkah yang wajar dilakukan oleh peserta komunikasi untuk memastikan maksud yang dikomunikasikan itu boleh difahami. Oleh itu, kerangka rantau konsepsi diperkenalkan oleh Tendahl (2009) yang dijelaskan sebagai satu kawasan abstrak dalam minda manusia yang memfokuskan tiga unsur utama, iaitu konsep leksikal, konsep ad hoc dan slot kosong. Walau bagaimanapun, Stöver (2010) melihat kekurangan yang terdapat pada kerangka rantau konsepsi kerana kerangka ini tidak menunjukkan langkah demi langkah yang jelas dalam usaha memproses maksud

metafora. Tambahan pula, Tendahl (2009) turut mengakui bahawa kerangka rantau konsepsi yang diperkenalkan itu tidak dapat memberikan gambaran perwakilan secara menyeluruh kerana rantau konsepsi mungkin berbeza berdasarkan pemahaman individu, bahkan mengikut situasi yang berbeza-beza

Menyedari kelompangan dalam kerangka Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) itu, maka Stöver (2010) memperkenalkan Model Proses Tiga Serangkai sebagai alternatif baharu yang lebih menekankan proses demi proses yang terlibat dalam kognitif (*cognitive development*) manusia untuk menginterpretasi ungkapan bermetafora dengan melibatkan pertimbangan semantik kognitif dan


pragmatik. Istilah Model Hibrid Baharu (*New Hybrid Model*) digunakan sebagai satu nama baharu bagi kerangka Teori Hibrid yang digagaskan oleh Stöver (2010) yang menegaskan bahawa “*the framework has a special processing mechanism that can arrange a specialization at the propositional level, specifying accuracy of thinking and thus it can purely discharge associative processes*”. Malahan, pengaplikasian MHB ini bukan sahaja membolehkan maksud metafora diinterpretasi, bahkan pelbagai input yang signifikan juga diperoleh. Rajah 3 merupakan ringkasan daripada hasil pengaplikasian MHB.

Dalam hal ini, Minikeeva et al. (2020) berpendapat bahawa Model Hibrid Baharu ialah mekanisme yang kuat untuk menyokong proses penginterpretasian metafora


dan membawa penyelidikan metafora ke arah yang baharu, iaitu melibatkan hubungan yang saling melengkapi. Oleh itu, kekuatan yang dimiliki oleh MHB perlu dimanfaatkan dengan sebaik mungkin untuk menginterpretasi maksud metafora api dalam teks Melayu dengan lebih tepat dan menonjolkan persepsi dan pemikiran Melayu terhadap api. Pengkategorian nilai linguistik berdasarkan penggunaan leksikal api dalam konteks metafora juga dapat ditentukan. Bagi menjelaskan pengoperasian MHB, lihat Rajah 4 yang diadaptasi daripada Stöver (2010).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sebanyak 94 data metafora api telah dianalisis dengan menggunakan prosedur penginterpretasian metafora



Rajah 3. Hasil pengaplikasian Model Proses Tiga Serangkai



Rajah 4. Ringkasan Model Proses Tiga Serangkai (Adaptasi daripada Stöver, 2010)

yang dicadangkan oleh Stöver (2010). Proses ini membolehkan makna tersirat bagi setiap metafora bersumberkan api diperoleh dan konteks ayat yang dikaji pula membolehkan nilai yang diimplikasikan

oleh setiap leksikal bersumberkan api seperti leksikal *api*, *nyala*, *panas*, *bahang*, *bakar*, *bara*, *marak* dan *julang* dikategorikan. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, terdapat dua dapatan utama yang dapat

distrukturkan. Pertama, hasil daripada proses penginterpretasian maksud tersirat yang dilakukan membolehkan fungsi metafora api dikenal pasti. Kedua, hasil daripada proses pengkategorian nilai metafora api pula dapat menggambarkan persepsi masyarakat Melayu dalam mengkonsepsikan api secara berskala. Bagi memperlihatkan kaedah pencerakinan metafora bagi tiga proses dalam MPTS, iaitu proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses inferens, lihat perenggan yang berikutnya.

Data 1

DTS50: Celaka! Keparat punya pegawai! Tak sedar diri! Umur baru setahun jagung. Sudah berani mengata orang macam-macam! Pandai-pandai menuduh aku sembarangan. Selama ini belum ada yang berani *** **bermain api***** dengan aku. Dia belum kenal siapa aku lagi. Ini Penghulu Hamid! Siapa yang tidak kenal dengan aku di kampung ini! Nanti tahulah aku mengajar pegawai muda keparat

tu!” Dengusnya berulang kali.
(Dipetik daripada Permata Desa oleh Idris Boi)

Bahagian ayat yang dikenal pasti sebagai metafora api ialah *bermain api*. Penggunaan frasa *bermain api* dalam perenggan tersebut didapati tidak mendukung makna literal, malahan maksud ayat tersebut juga taksa. Apabila *bermain api* diproses pada tahap simulasi, maksud literalnya lebih terarah pada *perbuatan bermain dengan api*. Ertinya, bermain difahami secara tersurat sebagai sesuatu tingkah laku yang dilakukan dengan tujuan berseronok, bersenang-senang atau bersuka-suka. Api pula merujuk konsep panas, berbahang, membakar dan mengeluarkan cahaya. Walau bagaimanapun, oleh sebab ciri-ciri api yang cenderung membahayakan, maka api tidak seharusnya dijadikan sebagai alat permainan. Rajah 5 dan 6 menunjukkan perbuatan *bermain api* yang bermaksud tersurat.

Proses simulasi ini menemukan maksud literal bermain api sebagai *terdapat individu yang berani menjadikan api sebagai*



Rajah 5. Aktiviti bermain api oleh sekumpulan remaja sebagai sebuah pertunjukan
(Sumber: <https://www.hmetro.com.my>)



Rajah 6. Seorang kanak-kanak lelaki bermain api
(Sumber: <https://www.hmetro.com.my>)

permainan. Fahaman sebegini tidak dapat mewujudkan makna yang koheren dengan keseluruhan ayat tersebut. Atas alasan ini, maka dapat dikatakan bahawa *bermain api* mendukung maksud yang tersirat dan frasa ini perlu dicungkil maksud implisitnya. Oleh yang demikian, proses interpretasi ini perlu diperluas dan diperkemas lagi melalui proses metarepresentasi. Stöver (2010) menjelaskan bahawa terdapat dua proses yang terlibat pada peringkat metarepresentasi ini bagi menginterpretasi maksud metafora. Proses tersebut ialah “*embedding nonpropositional material in a propositional schema, if required for the context-dependent meaning, and ii) holding the literal meaning in metaphorical interpretation for further inspection*” (p. 201).

Proses metarepresentasi merupakan satu proses pengukuhan maklumat bukan proposisi dan memperkemas input makna literal yang dilakukan pada peringkat simulasi sebelum ini. Berdasarkan pengalaman badaniah yang melibatkan maklumat latar belakang yang disimpan dalam otak manusia berdasarkan apa juga yang dicerap daripada pengalaman, individu yang dikatakan ‘berani bermain api’ dapat ditanggapi sebagai individu yang berani berhadapan dengan pelbagai kemungkinan atau risiko. Hal ini dipengaruhi oleh ciri-ciri asas api itu sendiri, iaitu panas, berbahang, dan boleh memusnahkan sesuatu entiti apabila terkena api yang kuat. Jika individu itu tidak berani menerima risiko sebagai akibat perbuatan bermain api itu, sudah tentu individu itu tidak akan bermain api. Oleh itu,

dapat dikatakan bahawa wujud perkaitan secara logik antara perbuatan *bermain api* dengan *tindakan berani mengambil risiko*. Perkaitan yang dapat dicungkil mengarah pada maksud *bermain api menjelaskan tindakan yang berani*. Namun begitu, maksud yang lebih tepat bagi *bermain api* masih tidak dapat ditentukan lagi pada proses metarepresentasi kerana proses pada peringkat ini tidak melibatkan maklumat konteks.

Proses penginterpretasian makna metafora *bermain api* diteruskan lagi dengan melakukan proses inferens. Bahagian frasa tersebut perlu dianalisis dengan mengaplikasikan konsep *ad hoc*, iaitu salah satu kaedah yang disarankan oleh Sperber dan Wilson (1995) untuk mendapatkan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis itu. Oleh sebab setiap perkataan bertindak sebagai klu atau peranti linguistik yang memudahkan penginterpretasian, maka penerapan konsep *ad hoc* peluasan ialah kaedah yang sangat efektif untuk mencungkil maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Untuk tujuan itu, maka disenaraikan andaian yang dijangkakan berdasarkan konteks keseluruhan ayat ‘Selama ini belum ada yang berani *bermain api* dengan aku’:

1. Aktiviti bermain api.
2. Api dijadikan sebagai alat permainan untuk berseronok.
3. Bermain dengan unsur yang berisiko untuk tujuan berseronok.
4. Berani melakukan tindakan yang berdepan dengan risiko.*

Setelah menyenaraikan empat andaian yang berkaitan, andaian yang keempat dipilih sebagai kesimpulan implikatur. Pemilihan andaian ini tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya sebaliknya andaian ini mengambil kira maklumat konteks dalam Data 1. Sperber dan Wilson (1995) dalam gagasan Teori Relevans menjelaskan bahawa “*ostensive stimuli gives rise to a comprehension procedure that hearers use in their interpretation; following a path of least effort, they look for an interpretation which satisfies their expectation of relevance, and when they find one, they stop*”. Dengan kata lain, pendengar atau pembaca akan mengambil laluan yang paling mudah untuk memproses sesuatu ujaran. Apabila interpretasi itu dijangkakan telah mencapai relevan, proses andaian tersebut akan dihentikan. Maka, melalui pengaplikasian konsep *ad hoc* peluasan ini, satu kesimpulan implikatur telah diperoleh, iaitu *bermain api* mengkonsepsikan maksud *berani melakukan tindakan yang berdepan dengan risiko*. Pengkonsepsian ini merujuk keberanian yang ada pada diri Salim untuk berhadapan dengan sikap dan tentangan Penghulu Hamid terhadapnya.

Metafora *bermain api* yang memberikan maksud *berani melakukan tindakan yang berdepan dengan risiko* dikonsepsikan sebegitu berdasarkan konteks keseluruhan, iaitu pelbagai risiko berani ditempuh oleh Salim apabila beliau cuba melakukan perubahan dan kemajuan di Kampung Pauh. Contohnya, terdapat individu yang melemparkan api ke dinding rumahnya sehingga membuatkan separuh bahagian

dapur rumahnya terbakar, terdapat sesetengah kelompok individu di Kampung Pauh itu yang tidak mahu menerima perubahan dan Penghulu Hamid juga berniat untuk membunuhnya. Keberanian Salim itu turut disebut oleh Penghulu Hamid dalam perenggan tersebut, iaitu “*Sudah berani mengata orang macam-macam! Pandai-pandai menuduh aku sembarangan.*”

Berdasarkan konteks data ini, keberanian itu terpamer melalui tindakan Salim yang dikatakan berani mengata orang (PENGHULU Hamid) dan berani membuat tuduhan sedangkan Salim merupakan pegawai muda yang baru sahaja berada di kampung itu. Dalam usaha untuk mencungkil maksud tersirat ini, dua perkara yang sangat menarik untuk dibincangkan dengan lebih mendalam ialah bagaimana orang Melayu bijak menggunakan lambang atau simbol tertentu dalam menyampaikan mesej secara tersirat dan bagaimana peranan konteks membantu pembaca memahami maksud implisitnya.


Penulis telah mengasosiasikan sifat api dengan tindakan *bermain api* ke dalam penulisannya ini. Ahmad (2003, p. 6) menyatakan bahawa masyarakat Melayu gemar mengambil konsep atau sifat yang terdapat pada objek di sekeliling mereka, iaitu melalui pengalaman dan pencerapan yang berpanjangan dan melalui renungan akliah, pemikir Melayu berinteraksi dengan alam sekelilingnya. Oleh yang demikian, ayat ‘Selama ini belum ada yang berani *bermain api* dengan aku’ yang mengetengahkan *bermain api* sebagai metafora telah berjaya memantapkan pencerapan penulis terhadap alam sekeliling

(*weltanschauung* Melayu). Dalam konteks data ini, analisis ini menemukan maksud metafora *bermain api* sebagai *individu* (*merujuk Salim*) yang *berani berdepan dengan risiko*. Hal ini terbukti berdasarkan kata-kata yang diucapkan oleh Penghulu Hamid, iaitu “*Selama ini belum ada yang berani bermain api dengan aku*”. Belum ada orang berani menggugat kedudukan Penghulu Hamid sebelum ini kerana mereka tidak berani berhadapan dengan risiko akibat tentangan itu kerana Penghulu Hamid telah lama memegang jawatan sebagai penghulu di Kampung Pauh. Analisis yang dijalankan ini juga mendapati bahawa peranan konteks yang jelas menjadi salah satu cara yang efektif bagi mendapatkan makna di sebalik metafora *bermain api*. Dalam hal ini, Blakemore (1992, p. 137) menekankan peranan konteks dalam memahami ujaran dan beliau menjelaskan bahawa penutur yang mahu ujarannya difahami mestilah mengekang interpretasi yang dibuat oleh pendengar dengan mengekang pemilihan konteks. Pemilihan konteks yang betul dengan kos memproses yang minimum dianggap sebagai cara berkesan untuk mengekang penginterpretasian ujaran mengikut prinsip relevans.

Setelah maksud implisit *bermain api* berjaya dicungkil, langkah yang berikutnya ialah membentuk metafora konsepsi. Berdasarkan saranan Stöver (2010), metafora konsepsi yang dibentuk menjadi lebih jelas selepas proses penginterpretasian berjaya dilakukan. Namun begitu, bagi membentuk metafora konsepsi, aspek skema imej dan pemetaan domain perlu dikupas

terlebih dahulu kerana kedua-dua aspek ini ialah asas dalam pembentukan metafora konsepsi. Dalam hal ini, individu yang berani mencabar orang lain untuk bermain api bersama-samanya mengimplikasikan maksud bahawa individu itu berani berdepan dengan risiko yang tertentu kerana adanya tujuan tertentu yang menjadi matlamatnya untuk dicapai. Oleh sebab itu, metafora *bermain api* dilihat memprofilkan satu skema imej melibatkan pengaliran antara sumber, laluan dan matlamat, iaitu skema imej LALUAN. Sebagai makluman, label *trajector* (TR) dan *landmark* (LM) ditunjukkan melalui paparan skema imej nanti. Konsep *trajector* dan *landmark* ini juga telah dikupas oleh Ungerer dan Schmid (1996) yang menjelaskan bahawa “*trajector stand for the figure or most prominent element in any relation structure, meanwhile landmark is the other entity in a relation*” (p. 161). Dengan kata lain, *trajector* merujuk unsur atau elemen yang paling menonjol dalam sebarang struktur yang berhubungan, manakala *landmark* ialah entiti lain yang berhubungan atau berkaitan dalam situasi itu. Justeru, bagi menjelaskan lagi skema imej yang mendasari frasa *bermain api*, ditunjukkan skema imej LALUAN yang terhasil:

Berdasarkan Rajah 7, fasa sumber merujuk Salim (TR), fasa laluan pula ditunjukkan melalui perbuatan *bermain api* manakala matlamat yang ingin dicapai oleh Salim ialah membangunkan semula Kampung Pauh (LM). Berdasarkan maklumat konteks novel ini, Salim merupakan anak Pak Samad dan beliau baru sahaja pulang ke



Rajah 7. Skema imej LALUAN


kampung itu. Beliau yang bekerja sebagai pegawai berasa bertanggungjawab untuk membuat perubahan dan membangunkan semula kampungnya itu. Lantas, beliau mendengar segala keluhan penduduk terhadap kampung itu dan cuba memenuhi keperluan penduduk bagi memastikan matlamatnya untuk membangunkan Kampung Pauh dapat direalisasikan. Tindakan murni beliau membuatkan penduduk kampung berasa senang dan memujinya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa terdapatnya aliran yang bersifat linear, iaitu daripada sumber kepada matlamatnya.

Walau bagaimanapun, perbuatan Salim itu tidak disenangi Penghulu Hamid kerana beliau merasakan kedudukannya terganggu dan pengaruhnya di kampung itu semakin berkurang. Kebencian dan sikap iri hati inilah yang dan menyebabkan Penghulu Hamid dan anaknya, Sameon menentang Salim dan melakukan pelbagai agenda jahat. Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa maklumat konteks novel ini sangat membantu dalam

menginterpretasi makna metafora sekaligus memungkinkan metafora konseptual yang bersifat representatif dapat dibentuk.

Konseptualisasi metafora *bermain api* yang diperoleh ini semestinya akan menjadi lebih jelas dan signifikan apabila dua domain dapat dipetakan, iaitu daripada domain sumber kepada domain sasaran. Pemetaan dua domain bagi frasa *bermain api* ditunjukkan seperti yang berikut:

Berdasarkan Rajah 8, frasa *bermain api* dikategorikan sebagai domain sumber, manakala skema imej yang mendasarinya ialah skema imej LALUAN. Maka, metafora *bermain api* dapat dikonsepsikan sebagai **KEBERANIAN** (domain sasaran). Pemetaan dua domain ini menghasilkan metafora konseptual **KEBERANIAN IALAH TINDAKAN YANG BERMATLAMAT**. Hal ini merujuk tindakan Salim yang berani mengambil tindakan untuk melakukan perubahan di Kampung Pauh. Secara tidak langsung, tindakan Salim yang berani ini menunjukkan beliau juga berani memberikan



Rajah 8. Pemetaan domain frasa *bermain api*

tentangan terhadap Penghulu Hamid selaku individu yang berpengaruh besar di kampung itu. Berdasarkan pengalaman ensiklopedik, dalam usaha untuk mencapai sesuatu matlamat, individu itu sewajarnya memiliki keberanian yang tinggi untuk berdepan dengan pelbagai risiko yang mungkin terjadi. Berdasarkan analisis ini juga, kekurangan yang diketengahkan oleh Tendahl (2009) terhadap metafora konsepsi, iaitu “*There is no step-by-step explanation of exactly how the conceptual metaphor comes into play, of what live in between hearing a word and accessing the corresponding conceptual metaphor or by which criteria a particular conceptual metaphor is selected*” (p. 189-193) dapat dijelaskan. Tambahan pula, metafora konsepsi yang diperoleh ini sememangnya logik dan bertepatan dengan pengalaman badaniah kerana dalam usaha untuk mencapai sesuatu yang dikehendaki, pelbagai risiko atau kemungkinan yang perlu ditempuh dan keberanian merupakan sifat diperlukan.

Kesimpulannya, data ini boleh dikelaskan sebagai data yang bersifat representatif kerana data ini menengahkan kepentingan maklumat konteks dalam usaha mencari makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Data ini perlu dikupas secara mendalam

kerana dengan hanya memahami konteks *bermain api* dalam data ini, interpretasi metafora yang tepat dapat dihasilkan. Pemilihan konteks yang betul dengan kos memproses yang minimum dianggap sebagai cara berkesan untuk mengekang penginterpretasian ujaran bagi mencapai relevans yang optimum (Blakemore. 1992, p. 137). Dari perspektif nilai pula, frasa *bermain api* mengimplikasikan nilai positif berdasarkan maksud yang dapat dicungkil menggunakan Model Proses Tiga Serangkai bagi menjelaskan sikap dan keperibadian individu.

Manifestasi Nilai dan Peranan Metafora Api

Kajian ini mendapati bahawa frekuensi metafora api yang mengimplikasikan nilai negatif ialah 63.9%, manakala frekuensi nilai positif ialah 36.1% (berdasarkan semua data yang dianalisis). Pengkategorian nilai ini ditentukan oleh kolokasi dan konteks metafora yang dibicarakan. Dapatan ini menunjukkan bahawa orang Melayu cenderung memberikan persepsi yang negatif terhadap api dibandingkan dengan persepsi yang positif. Setelah diteliti secara kritis, faktor utama yang mendorong orang Melayu menanggapi api secara negatif

adalah kerana faktor agama yang dianuti oleh orang Melayu, iaitu agama Islam. Hal ini boleh dibuktikan melalui petikan Surah al-A'raf ayat 7 yang menyebut bahawa syaitan diciptakan daripada api dan dalam Surah al-Baqarah ayat 208 pula, syaitan disebut sebagai musuh yang terang bagi umat manusia. Dengan kata lain, persepsi yang lazim terkait dengan unsur api dalam pemikiran Melayu sememangnya cenderung bernilai negatif kerana syaitan merupakan lambang kejahatan bagi umat Islam.

Analisis yang dijalankan terhadap metafora api juga menunjukkan bahawa metafora yang dihasilkan oleh orang Melayu mempunyai peranan khusus yang berfungsi dalam konteks positif dan juga negatif. Dengan kata lain, nilai metafora api bergantung pada konteks yang dibicarakan dan konteks ayat ini sangat penting bagi menonjolkan dan mengkategorikan nilai linguistik dengan tepat. Berdasarkan Data 1, penggunaan metafora api oleh orang Melayu juga dapat diperincikan, iaitu orang Melayu memanfaatkan unsur api dalam konteks yang positif bagi menjelaskan emosi dan intensiti emosi, menjelaskan sikap dan peribadi murni seseorang individu dalam sesuatu tindakan. Secara khususnya, peranan metafora untuk memerihal emosi dalam konteks yang positif hanya melibatkan emosi-emosi yang baik sahaja seperti emosi cinta, kasih sayang, semangat, asmara dan rindu. Dengan menggunakan unsur api, darjah atau kekuatan emosi yang baik ini dapat difahami dengan lebih baik dan membuatkan pembaca dapat merasai dengan lebih mendalam lagi emosi

yang dijelaskan oleh penulis itu. Sebagai gambaran ringkas dapatan yang diperoleh, contoh data metafora api yang bernilai positif dengan peranan yang telah dikenal pasti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Dapatan yang diperoleh berkaitan dengan peranan metafora api yang memberikan nilai negatif menunjukkan orang Melayu menggunakan metafora api untuk memerihalkan emosi, menjelaskan darjah emosi, menambahkan kesan afektif dan mengkritik keadaan, sikap atau perbuatan individu. Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa nilai negatif metafora api berkolokasi dengan emosi marah, sedih, dendam, curiga dan cemburu. Ternyata, emosi marah ialah yang paling dominan dirujuk dengan unsur api dan hal ini selaras dengan beberapa kajian lepas yang menyatakan bahawa konsepsi MARAH IALAH API bersifat universal (Kövecses, 2000). Selain itu, tindakan atau perbuatan yang negatif juga terserlah melalui metafora api seperti fitnah, ego, penindasan dan zalim. Contoh data yang mengimplikasikan nilai yang negatif ditunjukkan dalam Jadual 2.

Data metafora yang dianalisis menunjukkan bahawa orang Melayu bijak memanipulasikan unsur api untuk menyampaikan sesuatu tujuan dengan jelas. Pemikiran orang Melayu ternyata begitu berstruktur dan boleh dipetakan. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis yang dilakukan memperlihatkan bahawa intensiti api seperti membara, menyala, menyala-nyala, marak dan marak menjulang diasosiasikan dengan baik bagi menjelaskan konteks yang positif dan juga negatif. Darjah

Jadual 1

Peranan metafora api yang bernilai positif

Peranan Metafora Api	Data
Menjelaskan emosi dan intensiti emosi	DTS52: Pak Mat tidak mendengar lagi jawapan bininya. Barangkali <i>api harapan dalam dada bininya sudah menyala</i> . Sudah bangun dan berjalan selaras dengan sifat-sifat kemanusiaan sejati. Mungkin. DA25: Begitulah hendaknya semangat tiap seorang anak Melaka dengan tidak berkecuali lagi, kerana kepada semangatlah bergantungnya kejayaan dalam mencapai sesuatu cita-cita. Dan dengan <i>semangat yang sentiasa hidup marak menyala-nyala itulah, kita akan meneruskan perjuangan tidak berhenti-henti melawan musuh</i> .
Memerikan sikap atau peribadi seseorang individu	DTS49: <i>Ibulah api menyala</i> yang ketika-ketika tertentu menjadi sahabat yang amat akrab dan penuh kasih mesra.
Menjelaskan sesuatu tindakan	DTS50: Celaka! Keparat punya pegawai! Tak sedar diri! Umur baru setahun jagung. Sudah berani mengata orang macam-macam! Pandai-pandai menuduh aku sembarangan. Selama ini belum ada yang berani <i>bermain api</i> dengan aku. DTS21: Inilah sebuah petunjuk simbolis bahwa <i>perjuangan dan jihad berarti bermain-main dengan api</i> . <i>Terjun ke dalam kobaran api untuk membela orang-orang lain</i> adalah sebuah pengalaman yang getir, tetapi yang terlebih getir lagi adalah syahadat.

Jadual 2


Peranan metafora api yang bernilai negatif

Peranan Metafora Api	Data
Menjelaskan emosi	DTS11: Sebenarnya kami pun sayang juga akan tanah itu,' kata Midah menurunkan <i>kemarakan api di dada</i> Harun itu, 'tapi bagaimana? Sudah tidak ada jalan keluar lagi selain daripada dijual.'
Menjelaskan intensiti emosi	DTS2: <i>Api di dadanya membara</i> kerana marah. Marah kerana rancangannya gagal. DTS16: Sa-telah mendengar kata-kata To' Guru itu bapa Che' Long Idin mengeloh panjang, <i>api kemarahan-nya menyala-nyala</i> , kerana marah yang amat sangat lalu meminta-lah ia kepada To' Guru itu mengkhabarkan kepada Che' Long Idin yang ia berpesan menyuroh kembali.
Menambahkan kesan afektif	DTS6: <i>Api dendamnya</i> terhadap pegawai itu <i>kini semakin luap</i> . Penghulu Hamid mulai merasa bahawa pengaruhnya kini sudah semakin berkurangan semenjak kehadiran Salim. DTS13: Awaslah kamu wahai Betara Guru selama ini bebas-ancaman; sejuta sateria, tujuh ribu kuda ghaib putih dari rongga semangat juang yang mem bakar; sejuta tombak runcing, sejuta panah maut akan datang bagai halilintar; menyapu hangus Syurgalokamu di <i>nyala api zalimmu</i> dan dendamku!
Mengkritik keadaan, sikap atau perbuatan individu	DTS7: <i>Aku sudah hidup di dunia yang mundur ini bergelumang dengan bara penindasan yang memedihkan</i> . Aku sudah berada di sini, dalam dunia yang serba tercicir sejak lahir. Akukah penulis yang tidak lagi perlu mendatangi masalah rakyat, kerana sebahagiannya sudah kukongsi masalah dan pengalaman? DM3: Sujiah pula menganggap <i>tiada 'bara' pada filem yang dikatakan 'penuh bara'</i> ini.

kepanasan api yang meningkat daripada membara kepada marak disesuaikan dengan tahap emosi atau sesuatu keadaan yang ingin digambarkan itu seperti Rajah 9. Hasilnya, pembaca dapat memahami sesuatu ujaran metafora yang berunsurkan api atau leksikal yang berkaitan dengannya

dengan lebih baik. Ternyata, dapatan ini menyerlahkan kecendekiaan orang Melayu dalam berbahasa.

Contoh intensiti api dalam ungkapan bermetafora yang menonjolkan nilai positif dan nilai negatif diperlihatkan dalam Jadual 3 dan 4.



Rajah 9. Intensiti api

Jadual 3

Intensiti metafora api bernilai positif

Intensiti Api	Data
Bara	DA27: Merekalah yang sebenarnya berkata begitu. Dan merekalah yang <i>meniupkan api yang sedang membara</i> . Tapi mengapakah mereka melakukannya?
Menyala	DTS52: Pak Mat tidak mendengar lagi jawapan bininya. Barangkali <i>api harapan dalam dada bininya sudah menyala</i> . Sudah bangun dan berjalan selaras dengan sifat-sifat kemanusiaan sejati.
Menyala-nyala	DTS5: Percubaan kuhendak masuk acara tarian gagal terus. Pada mulanya, kerana kasihankan <i>minatku yang menyala-nyala</i> cikgu yang melatih itu memberi peluang juga padaku.
Marak	DTS12: <i>Api kemanusiaan marak</i> , memanggang seluruh derita dan sengsara di ini, nenda.
Marak menjulang	DTS32: Pasukan-pasukan lain, tetapi <i>semangat setiap anak muda itu kian marak menjulang</i> , terutama pada ketika perjuangan telah meningkat ke peringkat yang hebatnya.

Jadual 4

Intensiti metafora api bernilai negatif

Intensiti Api	Data
Bara	DA2: Apa pentingnya sangat aku ke situ?" Rungut penghulu Hamid marah. <i>Api di dadanya membara</i> kerana marah. Marah kerana rancangannya gagal.
Menyala	DTS20: Dan Pak Mat memancarkan matanya ke atas pondak anak gadisnya dengan <i>api keraguan yang mula menyala dalam dadanya</i> .

Jadual 4 (*continue*)

Intensiti Api	Data
Menyala-nyala	DTS31: Raden Gusti Putri Retno Gumilah menangis dengan sedu-sedan kerana sedih akan berpisah dengan kekasihnya. Suasana menjadi hening seketika kerana masing-masing cuba memendam <i>rasa hati yang menyala-nyala</i> . Malam yang indah tidak memberikan sebarang makna kepada dua keping hati yang sedang dilanda kesedihan.
Marak	DTS15: <i>Bara apimu terlalu marak</i> , Nak Sari," kata Lato, dan menghirup habis isi cawannya. "Nanti hangus tapi mentah di dalam."

KESIMPULAN

Analisis metafora api yang dijana daripada korpus teks Melayu berlandaskan proses penginterpretasian yang jelas dan inklusif adalah sangat penting bagi membolehkan maksud yang diimplikasikan oleh leksikal api dicungkil dengan sistematik dan empiris. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan menggunakan prosedur yang jelas (berbantuan MHB), maksud metafora api dapat dicungkil dan nilai positif atau nilai negatif dapat dikenal pasti dengan betul berdasarkan konteks keseluruhan ayat atau ujaran. Dapat dikatakan juga bahawa MHB yang diperkemas oleh Stöver (2010) dengan memperkenalkan MPTS merupakan satu pendekatan kontemporari yang mempunyai kekuatannya yang tersendiri kerana mampu menonjolkan tahap demi tahap proses penginterpretasian yang berlaku secara sistematik dalam menginterpretasi maksud metafora.

Penggunaan lambang api atau apa-apa lambang lain yang jelas dapat menolak ciri wewenang bahasa Melayu yang dicanangkan oleh sesetengah sarjana Barat (Jalaluddin, 2014, p. 59). Oleh itu, makalah ini diharapkan dapat memberikan input baharu kepada para pembaca tentang proses penginterpretasian sesuatu metafora yang berlandaskan satu

prosedur yang tersusun. Penginterpretasian metafora ini membolehkan kecendekiaan penutur bahasa Melayu ditonjolkan. Kajian seumpama ini juga wajar dikembangkan lagi pada masa akan datang, misalnya dengan melakukan kajian perbandingan metafora yang menggunakan unsur *api*, *air*, *angin* atau *tanah* dalam beberapa bahasa yang berbeza bagi memperlihatkan konsep dan nilai unsur alam tersebut.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Hasmidar Hassan dan Dr. Maizura Osman kerana telah banyak memberikan idea dan tunjuk ajar dalam usaha saya menyempurnakan makalah ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Penyelidikan, Penciptaan Nilai & Perusahaan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang telah menganjurkan bengkel yang sangat bermanfaat, iaitu Bengkel Penerbitan Edisi Khas Pertanika 2023.

RUJUKAN

Ahmad, H. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan epistemologinya*. Akademi Kajian Ketamadunan.

- Ahmad, H. (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu: Pesanan terakhir pejuang bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blakemore, D. (1992). *Understanding utterances*. Blackwell.
- Dato, J., Saidan, R., Banseng, S., Sulaiman, S., Idris, M. R. M., & Dermawan, T. (2022). Struktur dan unsur metafora dalam puisi invokasi biau masyarakat Iban. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 30(3), 1125 - 1145. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.3.1>
- Deraman, A. A. (2010). *Wacana peradaban Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Gibbs, R. W. & Macedo, A.C. P. S. D. (2010). Metaphor and embodied cognition. *DELTA: Documentação de Estudos em Lingüística Teórica e Aplicada*, 26, 679-700. <https://doi.org/10.1590/S0102-44502010000300014>
- Gibbs, R. W. (1999). Taking metaphor out of head and putting it in the cultural world. In R. W. Gibbs, & G. J. Steen (Eds.) *Metaphor in Cognitive Linguistics* (pp.146-166). John Benjamins. <https://doi.org/10.1075/cilt.175.09gib>
- Hanada, G. Z. A. (2023). The people were toppled by the fire from all sides: An analysis the metaphorical use of fire in Jordanian political speeches. *English Linguistic Research*, 12(1), 14784. <https://doi.org/10.5430/elr.v12n1p31>
- Hassan, H. (2023). Kajian linguistik bahasa Melayu bersumberkan korpus. Kekuatan dan kelemahannya. *Jurnal Pendeta*, 14(1), 23-34. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.fa.2.2023>, <https://ojs.ups.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/8082>
- Hassan, Z. (2010). *Unsur alam dalam puisi Melayu moden*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kövecses, Z. (2000). *Metaphor and emotion: Language, culture and body in human feeling*. Cambridge University Press.
- Krisnawati, E., Darsono, H., Amalia, R. M., Sujatna, E. T. S., & Pamungkas, K. (2021). Metaphors in Indonesian nature tourism discourse: Disclosing cognition about nature. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 29(4), 2469 - 2482. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.4.21>
- Lakoff, G. (1987). *Women, fire, and dangerous things: What categories reveal about the Mind*. University of Chicago Press. <https://doi.org/10.7208/chicago/9780226471013.001.0001>
- Martínez, S. T. (2022). Metaphors and embodied otherwise they would not be metaphor. *Linguistic Vanguard*, 8(1), 185-196. <https://doi.org/10.1515/lingvan-2019-0083>
- McKee, C. (2023). Literising metaphor in the poetry of Robert Southwell. *Renaissance Studies*, 37(1), 75-91. <https://doi.org/10.1111/rest.12819>
- Minikeeva, A. A., Sadykova, A. G., & Med, N. G. (2020). Cognitive linguistic approach to the integrated theory of metaphor. *Jurnal Artículos*, 25(7), 244-250. <https://doi.org/10.5281/zenodo.4009702>
- Rafat, M. (2022). Role of metaphors in controlling meaning making processes: ‘War’ and ‘fire’ metaphor for Covid-19 pandemic. *Literature and Linguistic Journals*, 1(1), 42-52. <https://doi.org/10.58425/lj.v1i1.97>
- Rashidin, R. (2016). *Metafora emosi dalam data korpus teks tradisional Melayu: Analisis teori Hibrid* [Unpublish doctoral thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rashidin, R., Mohamad, N. U., & Jantan, Z. (2023). Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku Falsafah Hidup karya Hamka. *Jurnal Bahasa*,

- 23(1), 113-146. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no5)
- Sarudin, A., & Shanmugam, P. (2023). Operasi metafora nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil: Analisis teori Hibrid. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 33-64. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no2)
- Seeman, M. V. (2023). Use a metaphor when treating unexplained medical symptoms. *World Journal of Clinical Cases*, 11(2), 332-341. <https://doi.org/10.12998/wjcc.v11.i2.332>
- Semino, E. (2021). "Not soldiers but fire-fighters" – Metaphors and Covid-19. *Health Communication*, 36(1), 50-58. <https://doi.org/10.1080/10410236.2020.1844989>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognitive* (2nd ed.). Wiley-Blackwell.
- Stefanowitsch, A. (2006). Corpus-based approaches to metaphor and metonymy. In A. Stefanowitsch & S. T. Gries (Eds.) *Corpus-based approaches to metaphor and metonymy* (pp. 1-16). Mouton de Gruyter. <https://doi.org/10.1515/9783110199895>
- Stöver, H. (2010). *Metaphor and relevance theory: A new hybrid model* [Unpublish doctoral thesis]. University of Bedfordshire.
- Tendahl, M. (2009). *A hybrid theory of metaphors: Relevance theory and cognitive linguistics*. Palgrave Macmillan.
- Ungerer, F. H., & Schmid, H. J. (1996). *An introduction to cognitive linguistics*. Longman.
- Wolfram, W. (1991). The linguistics variables: Facts and fantasy. *American Speech*, 66(1), 22-32. <https://doi.org/10.2307/455432>

